

NORZAH (1937–), penulis. Dia lahir pada 16 September 1937 di Kampung Terachi, Negeri Sembilan. Nama sebenarnya ialah Mohd. Nor bin Abdul Ghani. Dia juga menggunakan nama pena Nurzra.



Norzah

Norzah mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu sebelum ke Sekolah Inggeris Tuanku Muhammad, Kuala Pilah (1948–1956). Kemudian dia melanjutkan pelajaran ke Sekolah King George V, Seremban antara tahun 1957 hingga tahun 1959. Pada pertengahan tahun 1959, Norzah diterima belajar di Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan lulus ijazah Sarjana Muda Sastera pada tahun 1962.

Pada tahun yang sama, Norzah bertugas sebagai Penolong Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di Kuala Lumpur. Beberapa tahun kemudian dia melanjutkan pelajaran di University of Pittsburgh, Amerika Syarikat dan memperoleh ijazah Sarjana dalam bidang Pentadbiran Awam pada tahun 1969. Kemudian dia menyambung pelajarannya sekali lagi di Amerika Syarikat untuk mendapatkan ijazah Doktor Falsafah.

Meskipun Norzah sudah lama menulis, dia belum lagi menerbitkan karyanya dalam bentuk buku. Setakat ini hanya beberapa buah cerpennya yang termuat dalam antologi *Panorama* (1966), *Koleksi Cerpen-cerpen Malaysia* (1977), *Tinta Pena* (1981) dan *Bulan* (1993).

Norzah telah menghasilkan lebih kurang 70 buah cerpen dan tidak kurang daripada 20 buah puisi. Dia juga aktif menulis skrip drama televisyen. Kegiatannya dalam bidang cerpen dan puisi ini lebih menonjol pada tahun 1960-an, terutama dalam bidang cerpen iaitu selepas beberapa kali memenangi hadiah peraduan mengarang anjuran akhbar *Berita Harian*. Pada sekitar tahun 1960-an, nama Norzah cukup dikenal kerana dia adalah salah seorang penulis yang selalu melontarkan pelbagai idea dalam tulisannya yang bersifat polemik. Cerpen, puisi dan skrip drama radio dan televisyen karya Norzah tersiar dalam *Berita Minggu*, *Mingguan Malaysia*, *Utusan Zaman*, *Mastika* dan Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Cerpennya yang berjudul "Tohmah" telah memenangi hadiah penghargaan bagi Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank 1992. Cerpen tersebut dimuatkan dalam antologi *Bulan*, terbitan Utusan Publication (1993).